

Kualiti tandas awam cerminan status masyarakat – Najib

Ulm - 20/12/2006

KUALA LUMPUR 19 Dis. – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kualiti tandas awam menjadi ukuran kemajuan infrastruktur sesuatu tempat dan mencerminkan tahap pembangunan sosial masyarakat di sesebuah negara.

Beliau berkata, ketamadunan sesebuah bangsa boleh dinilai daripada penggunaan dan kebersihan tandas awam.

Menurut beliau, tandas awam yang bersih seringkali dijadikan ukuran bagi melabel atau membentuk persepsi dan sikap terhadap sesebuah negara itu.

“Ramai yang kata kebersihan tandas awam sama dengan ketinggian tahap, ketamadunan sesebuah bangsa. Lebih bersih tandas awam, lebih berkualiti tandas awam, ia adalah cerminan ketinggian bangsa kita,” kata beliau.

Berucap merasmikan Tandas Awam Baru Kuala Lumpur di Siar Kaki Bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang di sini hari ini, beliau berkata, imej negara ditingkatkan dengan memastikan tandas awam bersih dan selesa untuk pelancong.

“Marilah kita berusaha untuk mencetuskan lonjakan besar bagi meningkatkan imej negara kita di mata dunia,” kata beliau.

Turut hadir Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab. Hakim Borhan.

Najib menarik perhatian, tahun hadapan adalah Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM 2007) yang akan menyaksikan negara dikunjungi lebih 20 juta pelancong.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pelancong ini akan mengunjungi ibu kota dan juga beberapa tempat yang menarik di seluruh negara.

“Salah satu ukuran mereka untuk melabelkan negara ini ialah tandas awam. Ini penting kerana imej negara boleh rosak jika tandas awam tidak bersih,” katanya.

Kerajaan, katanya, ingin membawa pembangunan, kejayaan dan kesejahteraan kepada rakyat yang boleh meletakkan negara setanding negara maju yang lain.

“Apabila ingin meletakkan negara pada tahap yang dibanggakan, maka salah satu komponen penting ialah imej ibu kota kita.

“Sudah tentu salah satu ukuran yang penting ialah penyediaan tandas-tandas awam yang berkualiti, serba moden, mesra pengguna dan mudah diselenggara,” tambah beliau.

Sehubungan itu, katanya, pelancaran tandas awam kali ini adalah manifestasi usaha untuk membawa perubahan yang besar kepada ibu kota.

“Sekiranya kita dapat lakukan perubahan

seperti ini, sudah tentu Kuala Lumpur akan tersohor di mata dunia,” kata beliau.

Sementara itu, tandas awam yang bernilai RM400,000 setiap unit yang dilancarkan hari ini berfungsi secara automatik serta berhawa dingin.

Sebanyak 23 lagi tandas awam seperti itu akan dibina di Kuala Lumpur bagi kemudahan pelancong dan juga rakyat tempatan dengan bayaran 20 sen setiap kali digunakan.

X

